

Siap sedia utk tandingan silat

HANYA 83 orang dari 144 orang calon didapati layak menyertai Pertandingan Silat Nasional anjuran bersama Persatuan Rakyat (PA) dan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang dijadualkan berlangsung pada 30 April ini.

Kesemua 144 orang yang telah mendaftarkan diri bagi merebut Piala Pusingan Sidek Saniff itu mewakili 16 buah balai rakyat. Seramai 32 orang tidak menghadiri diri bagi menjalani ujian kesihatan dan 29 orang gagal dalam ujian mereka.

Calon-calon telah diperlukan menjalani satu siri ujian yang bermula dengan menimbang berat badan, pemeriksaan kesihatan dan mata oleh doktor, ujian *shoulder press*, *sit-up* dan berlari sejauh 100 meter.

Ujian itu membantu pihak penganjur menentukan sama ada calon-calon berupaya mengikuti pertandingan tersebut atau tidak.

Terbesar

Satu perangkaan yang disediakan oleh PA menunjukkan bahawa dari bilangan 144 orang peserta yang mendaftarkan diri, bilangan peserta lelaki berusia lebih 18 tahun adalah golongan yang paling ramai, iaitu 64 orang.

Ini diikuti oleh golongan kanak-kanak lelaki berusia antara 14 dengan 18 tahun seramai 57 orang, kanak-kanak perempuan antara usia 14 dengan 18 tahun seramai 12 orang, dan wanita 18 tahun dan ke atas seramai 11 orang.

Para peserta dari Balai Rakyat Pasir Panjang seramai 26 orang merupakan kumpulan belia yang terbesar.

Balai Rakyat Cairnhill dengan 19 orang peserta merupakan kumpulan kedua terbesar. Ini diikuti oleh Balai Rakyat Ulu Pandan dengan 13 orang peserta, Marsiling, Tan-

glin dan Geylang Serai (11 orang peserta setiap balai).

Brickworks (10), Bedok dan Jalan Pagak (lapan orang setiap balai), Dover Road dan Jurong Town (enam setiap balai), Kampong Chai Chee (lima), balai rakyat kecil Ayer Rajah (empat), Ayer Rajah (tiga), Toa Payoh (dua) dan **7 APR 1983**

Dari jumlah itu, seramai 12 orang terdiri dari kanak-kanak perempuan antara 14 dengan 18 tahun, 11 belia wanita berusia 18 tahun dan ke atas, 57 kanak-kanak lelaki dan 64 belia lelaki.

Pertandingan yang julung-julung kalinya diadakan secara bersama oleh PA dan Persisi itu dibahagikan kepada empat bahagian — kanak-kanak lelaki dan perempuan dan belia lelaki dan wanita berdasarkan berat badan.

Dari bilangan seramai 83 orang yang sudah terpilih untuk mengambil bahagian itu, lima orang kanak-kanak lelaki akan menyertai Kelas E dan 13 orang Kelas F.

Dalam bahagian wanita pula, seramai empat orang akan mengambil bahagian dalam Kelas A dan enam dalam Kelas C.

Golongan terbesar ialah kumpulan peserta lelaki dengan empat kelas. Seramai 17 orang peserta dalam Kelas B, 17 dalam Kelas C, 18 dalam Kelas D dan 13 dalam Kelas E.

Seramai lima orang wakil dari Persisi, yang diketuai oleh Setiausaha Agungnya, Encik Johari H.M. Uriff, duduk dalam jawatankuasa penganjur seramai 13 orang.

Lapan orang anggota jawatankuasa lain terdiri dari pegawai-pegawai PA. Jawatankuasa penganjur itu dipengerusikan oleh pengaruh bahagian belia PA, Encik Tan Kin Hian.

Jurucakap PA memberitahu bahawa dalam ujian Sabtu lalu, seramai empat orang peserta didapati tidak layak dari segi kesihatan, sementara 25 lagi tidak dapat diterima kerana berat badan yang berlebihan.

Dalam ujian dan pemeriksaan tersebut, Nadi Bella dapati salah seorang peserta yang menjalani ujian mata tidak dapat melihat huruf di dinding — menunjukkan bahawa penglihatannya tidak baik dan boleh membahayakan peserta tersebut jika beliau masuk bertanding.

Merayu

Jurucakap tadi juga berkata bahawa dalam satu kelas hanya dua orang peserta yang layak. Tetapi, kerana mereka didapati tidak sesuai untuk mengambil bahagian dalam kelas yang lain, mereka tidak dapat dibenarkan mengikuti pertandingan itu.

Sementara itu, Encik Johari Uriff dari Persisi berkata ramai peserta yang tidak hadir untuk menjalani ujian itu memberikan alasan mereka bekerja. Beberapa orang dari mereka telah merayu kepada pihak penganjur supaya mengadakan pemeriksaan dan ujian semula.

"Kami tidak dapat memperkenalkan permintaan mereka itu. Sekurang-kurangnya, mereka seharusnya memberitahu kami beberapa hari lebih awal untuk membolehkan kami mengambil langkah yang perlu.

"Disiplin peserta mesti ditekankan untuk memastikan pertandingan ini dapat dijalankan dengan jaya," katanya lagi.

Beliau menegaskan bahawa ujian kesihatan itu adalah perlu bagi para peserta demi kebaikan mereka sendiri. "Bagi pihak kami pula, kami perlu memastikan setiap peserta yang mengambil bahagian benar-benar berkelayakan untuk bertanding," beliau menambahkan.

Bagaimanapun, hakikat bahawa seramai 144 orang telah mendaftarkan diri untuk mengambil bahagian menunjukkan sambutan yang menggalakkan dari para peminat seni silat.

Tahun lalu, Balai Rakyat Pasir Panjang menganjurkan pertandingan silat selama empat malam dengan disertai oleh seramai 60 orang peserta. Balai Rakyat Jalan Damai pula menganjurkan Malam Bersilat yang melibatkan 25 orang peserta.

Tandingan silat, takraw

di ekspo

Fedegasi

7 APR 1983

DUA acara terbaru akan dianjurkan oleh Federasi Gasing Singapura (Fedegasi) sempena ekspositi perdagangan mereka di Sims Avenue East.

Acara tersebut ialah Pertandingan Takraw Bulatan dan Pertandingan Silat Kesenian. Permohonan untuk mengikuti kedua-dua pertandingan itu kini dibuka.

Setiausaha Agung Fedegasi, Encik Ariff Zahari, berkata semalam bahawa rancangan-rancangan tersebut bertujuan untuk memeriahkan lagi acara ekspo Pesta Gasing Singapura '83.

Simpanan

Beliau menambah, pertandingan takraw bulatan itu dianjurkan bersama dengan Persekutuan Sepaktakraw Amatir Singapura (Perses), sementara pertandingan silat dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Silat Singapura (Persisi).

Encik Ariff berkata bahawa pertandingan takraw itu terbuka kepada semua badan kerabat Perses dan balai-balai rakyat, sementara pertandingan silat pula hanya terbuka kepada kerabat Persisi.

Setiap penyertaan bagi pertandingan takraw bulatan itu dikenakan bayaran yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur. Setiap kumpulan harus mempunyai sembilan orang pemain — enam orang pemain dan tiga pemain simpanan.

Tarikh tutup bagi pertandingan takraw bulatan itu, kata Encik Ariff, ialah pada 14 April.